



praktis Topikal

备考全能通

Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun

5

年級

Ng Jia Wei
Norelyssa Ramli

国文

Bahasa Melayu

- Ditulis mengikut format **UASA** terkini
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

Tema 4

Integriti dalam Kehidupan

Buku Teks (m.s. 62 ~ 77)

Bahagian A

Tatabahasa

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Anas gembira kerana telah berjaya _____ nama sekolah dalam pertandingan pidato.

A menyatakan 说出	B menyebutkan 列出
C mengharumkan 使... 出名	D menggepalkan 惊动

2. Puan Maria merupakan salah seorang _____ yang sudah lebih 10 tahun berkhidmat di syarikat itu.

A bumiputera 土著	B kakitangan 工人
C warganegara 国民	D suruhanjaya 委员会

Soalan 3

Pilih ayat-ayat yang betul.

3.

I Kita mestilah sentiasa menghormati guru.	II Telefon bimbit yang baharu itu ialah hadiah untuk kakak.
III Murid lelaki itu baru sahaja keluar daripada makmal komputer.	IV Rakan-rakan sekelas Syamil datang mengucapkan tahniah di atas kejayaannya.

A I dan II	B II dan III
C III dan IV	D I dan IV

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Lukman dan Joseph bekerja di Syarikat Aman Bakti. Suatu hari, ketika Lukman keluar dari bilik pengarah, dia melihat Joseph sedang leka bermain permainan video di telefon pintarnya. Lukman segera bertanya kepada Joseph sama ada dokumen yang diminta oleh Tuan Adnan telah disiapkan. Joseph menjawab bahawa dia belum menyiapkannya dan akan meminta kerani untuk melakukannya.

Lukman menegur Joseph dengan menekankan bahawa waktu bekerja harus digunakan untuk menyelesaikan tugas yang diamanahkan. Joseph menerima teguran itu dengan (hati terbuka) dan mengakui bahawa dia perlu lebih bertanggungjawab. Lukman menasihati Joseph agar bekerja dengan jujur demi kebaikan bersama.

4. Berdasarkan petikan di atas, Lukman dan Joseph berada di
 - A stor.
 - B klinik.
 - C pejabat.
 - D gelanggang. 球场
5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
 - A Joseph menerima rasuah daripada Lukman.
 - B Joseph berjumpa dengan Tuan Adnan di bilik pengarah.
 - C Joseph bermain permainan video di telefon bimbit semasa bekerja.
 - D Joseph menipu jumlah wang yang diamanahkan kepadanya.
6. Berikut ialah pengajaran yang boleh didapati daripada perbualan di atas, kecuali
 - A kita haruslah menghargai masa yang ada.
 - B kita mestilah jujur dan telus semasa bekerja.
 - C kita hendaklah menjaga amanah yang diberikan kepada kita.
 - D kita janganlah mengambil kesempatan atas kebaikan orang lain.

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

BICARA BUDAYA BERINTEGRITI

Sempena Minggu Integriti SJKC Bukit Layang

Disampaikan oleh:

Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Malik bin Mahusin
Kaunselor Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 September 202_

Masa: 8:00 pagi

Tempat: Dewan Utama Seri Kenanga

"MURID BERINTEGRITI MEMBENTUK PERIBADI"

BAHAN 2

Dalam suasana sekolah yang penuh semangat, murid-murid dididik dengan nilai integriti yang tinggi. Setiap hari, mereka dilatih untuk menjadi murid yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Sikap mereka mencerminkan kejujuran dan amanah yang diterapkan oleh guru-guru yang berdedikasi. Maka, mereka akan menjalankan tugas harian sambil memupuk rasa tanggungjawab dalam diri.

Nilai integriti ini juga mampu membentuk murid-murid menjadi individu yang positif dengan *peribadi* yang baik. Dalam setiap tindakan dan keputusan yang diambil, mereka sentiasa berpegang kepada nilai-nilai murni serta memastikan bahawa mereka sentiasa melakukan perkara yang betul. Hal ini bukan sahaja membina keyakinan diri tetapi juga menjadikan murid-murid sebagai teladan dalam kalangan rakan-rakan mereka yang lain.

7. Murid-murid perlu berintegriti supaya
- A membentuk peribadi yang baik dalam diri.
 - B menjadi murid yang nakal.
 - C memupuk sifat malas.
 - D membentuk peribadi negatif.

8. Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Malik bin Mahusin
Kaunselor Universiti Putra Malaysia

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A ekor.
- B angkatan.
- C buah.
- D baris.

9. Perkataan *peribadi* dalam Bahan 1 dan Bahan 2 boleh digantikan dengan perkataan
- A budi bahasa.
 - B perangai.
 - C moral.
 - D akhlak.

10. Pilih pernyataan yang benar tentang Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.
- A Integriti tidak penting untuk membentuk nilai positif dalam diri murid.
 - B Ceramah disampaikan oleh Profesor Dr. Abdul Halim bin Malik.
 - C Hanya sebahagian murid yang dibenarkan masuk ke dalam dewan.
 - D Program diadakan di Dewan Utama Seri Kenanga pada jam 8:00 pagi.

Bahagian B

Pemahaman Petikan dan Tatabahasa

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Catatan Harian Mei Leng

Isnin, 20 Mac 202_

7:30 pagi

Hari pertama persekolahan berjalan lancar. Saya sebagai pengawas perlu memastikan murid-murid beratur dan berada dalam keadaan terkawal semasa perhimpunan. Guru besar juga mengingatkan semua murid untuk menjaga disiplin dan mematuhi peraturan sekolah.

9:00 pagi

Kelas saya dijadualkan mengambil buku teks di bilik operasi SPBT. Cikgu Salmah menasihati kami untuk menjaga buku teks dengan baik, membalut buku dan memulangkannya semula mengikut masa yang ditetapkan.

3:00 petang

Selesai membalut semua buku teks, saya mendapatkan ibu. Kami berbual-bual di beranda rumah sambil menikmati angin petang.

I. (a) Sebagai pengawas, Mei Leng perlu memastikan murid-murid _____

_____ semasa perhimpunan.

(b) Apakah yang perlu dilakukan sebagai seorang murid di sekolah?

- (c) *Bulatkan satu kata berimbuhan awalan yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Guru besar juga mengingatkan semua murid untuk menjaga disiplin dan mematuhi peraturan sekolah.

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Kami berbual-bual di beranda rumah sambil menikmati angin petang.

Sambil menikmati angin petang, kami berbual-bual di beranda rumah.	
Angin petang di beranda rumah sedang berbual-bual dengan kami.	

Bahagian B: Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kamu sedang kesempitan wang. Seorang rakan menawarkan sejumlah wang kepada kamu supaya kamu merahsiakan (salah laku) yang telah dilakukannya.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Grafik di bawah menunjukkan tentang kem cuti sekolah.

Tuliskan pendapat kamu tentang manfaat menyertai kem cuti sekolah.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.


